

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TELUK INTAN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa peruntukan diberi dan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pengangguran graduan universiti di negara ini serta langkah-langkah melahirkan graduan-graduan universiti yang menepati kehendak pasaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA pada tahun 2019 sebagai langkah rangsangan untuk menangani situasi ekonomi negara dan meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat. Terdapat 40 inisiatif bernilai RM35 bilion di bawah PENJANA. Daripada jumlah ini, KPT telah diperuntukkan sebanyak RM150 juta bagi tujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan di bawah Program PENJANA KPT-CAP (*Career Advancement Programme*).

Sebagai usaha untuk mengatasi masalah pengangguran graduan universiti di negara ini serta bagi melahirkan graduan-graduan universiti yang menepati kehendak pasaran, kementerian melaksanakan lima (5) langkah utama iaitu :

- i. **Melaksanakan program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling* melalui inisiatif PENJANA KPT-CAP (Career Advancement Program).**
- ii. **Melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE).**
- iii. **Melaksanakan *Structured Internship Programme (SIP)*.**
- iv. **Menyemak dan menambahbaik secara berkala kandungan modul dan program akademik yang ditawarkan.**
- v. **Membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Projek Warisan Kampung Koh di Kawasan Parlimen Beruas akan diteruskan dan bilakah Kerajaan akan menurunkan baki wang peruntukan untuk projek tersebut jika ia diteruskan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM3.0 juta bagi Kerja-Kerja Pembangunan Tapak Warisan Kg Koh, Sitiawan, Perak pada 19 Disember 2019. Pelaksana projek ini ialah Majlis Perbandaran Manjung. Projek telah diiklankan pada 1 September 2021 dan ditutup pada 27 September 2021. Keputusan tender telah diperakukan melalui Mesyuarat Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri pada 23 November 2021 dan Surat Setuju Terima akan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Manjung dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.